

Etika Peperiksaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

NOOR RAUDHIAH ABU BAKAR
Department of Accounting and Finance
Faculty of Management and Muamalah
International Islamic University College Selangor
MALAYSIA
raudhiah@kuis.edu.my

NURUL ALIA JOHAILE
Faculty of Management and Muamalah
International Islamic University College Selangor
MALAYSIA

SITI HAWA RADIN EKSAN
Department of Economy and Management
Faculty of Management and Muamalah
International Islamic University College Selangor
MALAYSIA
sitihawa@kuis.edu.my

ABSTRAK

Etika peperiksaan merupakan satu norma yang menentukan dan membezakan sesuatu tindakan pelajar sama ada baik atau buruk dalam peperiksaan. Objektif kajian ini ialah mengkaji etika peperiksaan dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan di antara faktor penentu dengan etika peperiksaan. Kajian ini mengetengahkan faktor penentu dari teori tindakan terancang (Theory of Planned Behaviour). Faktor penentu tersebut adalah sikap, norma subjektif dan keagamaan. Bentuk kajian ini adalah kuantitatif dan deskriptif. Kaedah kutipan data adalah menggunakan borang soal selidik dan responden terdiri dari 180 pelajar yang dipilih secara persampelan rawak di dua institusi pengajian tinggi swasta (IPTs) di Selangor. Kajian ini menggunakan analisis korelasi untuk mengkaji hubungan diantara faktor penentu dengan etika peperiksaan. Hasil analisis korelasi mendapati ketiga-tiga faktor iaitu sikap, norma subjektif dan keagamaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan etika peperiksaan. Hasil kajian menunjukkan semakin tinggi sikap yang baik, norma subjektif dan keagamaan pelajar maka semakin tinggi etika peperiksaan mereka. Pengenalpastian faktor dalaman pelajar ini menunjukkan etika peperiksaan boleh ditingkatkan dengan pendedahan kepentingan etika peperiksaan dan seterusnya mengurangkan masalah pembelajaran seperti plagiarisme dan meniru semasa peperiksaan dijalankan. Ini juga membolehkan pengurangan tingkahlaku tidak beretika apabila pelajar bekerja pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Etika Peperiksaan, Teori Tindakan Terancang, Sikap, Norma Subjektif, Keagamaan*

ABSTRACT

Examination ethics is a norm that determines and differentiates a student's actions whether good or bad in the examination. The objective of this study is to examine the examination ethics

among students in Higher Learning Institutions. Specifically, this study aims to look at the relationship between the determinant factors and examination ethics. This study highlights the determining factors from the Theory of Planned Behaviour. The determining factors are attitudes, subjective norms and religion. The form of this study is quantitative and descriptive. The method of data collection is using a questionnaire form and the respondents consisted of 180 students selected by random sampling at two private institutions of higher learning (IPTS) in Selangor. This study uses correlation analysis to examine the relationship between determinants and examination ethics. The results of correlation analysis found that all three factors, namely attitude, subjective norms and religion have a significant positive relationship with examination ethics. The results show that the higher the good attitude, subjective and religious norms of students, the higher their examination ethics. The identification of these internal factors of students shows that examination ethics can be improved by exposing the importance of examination ethics and in turn reducing learning problems such as plagiarism and imitation during examinations. This also allows for the reduction of unethical behaviour when students work in the future.

Key Words: *Examination Ethics, Theory of Planned Behaviour, Attitude, Subjective Norms, Religion*

PENGENALAN

Pada era kini, etika dilihat sebagai perkara yang penting dalam semua bidang dalam kehidupan. Etika juga menjadi penting dalam bidang pendidikan, kerana pendidikan merupakan proses asas kehidupan manusia. Oleh itu, etika adalah perkara utama yang perlu ditekankan dalam pendidikan (NurYeliz, 2015). Etika seseorang individu telah pun didedahkan pada peringkat awal pembentukan dan diajar semasa kecil oleh ibu bapa serta guru-guru di sekolah. Justeru itu, ibu bapa dan guru memainkan peranan penting dalam menjadi contoh yang baik dengan mempraktikkan etika yang baik dihadapan anak-anak sejak dari kecil lagi. Nilai-nilai universal yang boleh diterima dalam agama, budaya dan masyarakat juga perlu diajar. Manakala diperingkat kolej dan univerviti dilihat sebagai peringkat yang lebih tinggi di mana institusi dihuni oleh sekumpulan ilmunan yang berpengetahuan tinggi. Kumpulan ini dianggap oleh masyarakat sebagai penjana kepada peningkatan kualiti dari segi ekonomi dan sosial. (Maisarah et al, 2009).

Etika merujuk kepada prinsip dan kaedah dalam membentuk tingkah laku yang betul atau salah, atau tingkah laku yang baik atau jahat (Mohd Janib, 1994). Dalam proses pendidikan yang terdapat di Malaysia sekarang, peperiksaan merupakan nadi penggerak untuk seseorang individu itu meneruskan perjuangannya dalam pembelajaran (Nurhasyimah, 2012). Bermula daripada proses pengajaran oleh guru di dalam kelas, tahap kefahaman pelajar, seterusnya latihan dan soalan-soalan lepas dilakukan oleh pelajar sehingga soalan yang sering menjadi tudingan dalam peperiksaan dapat dikuasai oleh pelajar.

Zaini Ujang (2010) menjelaskan bahawa etika dalam peperiksaan ialah menjawab dengan jelas soalan peperiksaan dan bukannya meniru ataupun menipu. Pengetahuan berkaitan etika peperiksaan juga perlu ditekankan semasa sesi pembelajaran agar tiada berlakunya tiada pengetahuan berkaitan dengan etika peperiksaan. Dengan mematuhi etika peperiksaan, ianya dapat menunjukkan tahap integriti dan membantu pembentukan modal insan yang berkualiti.

Namun, tingkah laku yang tidak beretika seolah-olah semakin meluas dalam setiap aspek dan di mana sahaja samada dalam bidang perniagaan, pendidikan, pelaburan, perkhidmatan dan sebagainya (Nurhasyimah, 2012). Jika di lihat dalam bidang pendidikan, persaingan yang semakin sengit merupakan salah satu sebab pelajar cenderung untuk melakukan perbuatan yang tidak beretika (Maisarah et al., 2009).

Segelintir pelajar sanggup melakukan apa saja bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan termasuklah dengan meniru. Pembentukan etika seseorang pelajar itu sangat penting dididik dari awal pendidikan lagi. Perbuatan-perbuatan yang tidak beretika boleh berlaku, jika seseorang pelajar itu merasakan sangat terbeban menghadapi peperiksaan. Tambahan pula, keinginan mendapat keputusan yang lebih tinggi daripada rakan-rakan yang lain disebabkan oleh persaingan yang sangat sengit terutama dalam bidang akademik.

Keinginan untuk mendapatkan keputusan yang tinggi serta terlalu takut dan merasa tertekan menyebabkan salah laku peperiksaan terjadi. Hal ini dapat menjadi penyumbang kepada pelbagai permasalahan termasuk keupayaan pelajar tidak dapat dinilai dengan tepat, kecemerlangan pengetahuan pelajar tidak seiring dengan kecemerlangan peribadinya dan menggalakkan amalan penipuan yang lebih besar (Nurhasyimah, 2012). Sering kali dilihat aktiviti salah laku akademik terjadi terutama dalam melaksanakan tugas dan semasa menduduki peperiksaan. Penipuan semasa peperiksaan terdapat banyak bentuk yang meliputi bocornya kertas peperiksaan, membawa nota jawapan semasa peperiksaan dan sebagainya (Imran & Nordin, 2013). Kajian salah laku peperiksaan adalah isu etika yang penting dalam kalangan universiti telah banyak dikaji dalam bidang Pendidikan (Hussein, Rahman, Rusdi, Omar, & Aziz, 2018; Gbadamosi, 2004).

Kajian terdahulu mendapati bukan sahaja banyak berlakunya salah laku peperiksaan, malah ianya semakin berleluasa. Statistik terkini dilaporkan meningkat saban hari. Ini dibuktikan dalam kajian Mustapha dan Nik Ali (2017) mendapati sebanyak 57% pelajar IPTA di Malaysia melakukan salah laku akademik, manakala dalam kajian Ismail dan Yussof (2016) mendapati 65% pelajar perakaunan di Malaysia meniru dalam peperiksaan. Kajian Graham et al. (1994) pula telah mendapati bahawa 57% pelajar dari sekolah menengah dan 22% pelajar dari universiti menipu dalam peperiksaan. Walaupun banyak kajian berkaitan dengan salah laku peperiksaan telah banyak dibuat tetapi kajian berkaitan dengan etika peperiksaan jarang dibuat. Sedangkan etika peperiksaan ini yang dapat membendung masalah salah laku peperiksaan. Sekiranya permasalahan seperti ini tidak dibendung dengan segera, tentulah ia akan memberi impak yang negatif terhadap etika dan prestasi pelajar tersebut. Hal ini, jika tidak dikawal, salah laku etika peperiksaan akan makin berleluasa.

Pengenalpastian faktor membolehkan ianya dikawal selia. Hal ini kerana, faktor yang mempengaruhinya jarang dikaitkan. Terdapat banyak faktor penentu etika peperiksaan terutama dari segi dalaman dan persekitaran pelajar. Kajian ini juga mengkaji faktor berdasarkan Teori tingkah laku terancang yang dijangka mempengaruhi etika peperiksaan pelajar. Teori ini sering digunakan bagi menjangkakan sesuatu perbuatan. Elemen di dalam teori ini termasuk sikap seseorang pelajar itu sendiri, faktor norma subjektif dan juga faktor keagamaan telah ditambah. Oleh itu, kajian ini diteruskan bagi mengetahui isu ini dengan lebih lanjut. Objektif kajian ini ialah mengkaji hubungan antara sikap, norma subjektif, dan keagamaan dengan etika peperiksaan dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi di Selangor.

KAJIAN LITERATUR

Perbincangan kajian literatur membincangkan kepentingan etika peperiksaan, teori tingkah laku terancang (*Theory of Planned Behavior*) dan seterusnya pembentukan hipotesis.

Kepentingan Etika Peperiksaan

Seperti yang sedia maklum, etika itu sendiri mempunyai kepentingan dalam kehidupan seharian seseorang individu. Tingkah laku seseorang akan mempengaruhi di mana saja dia berada sama ada baik atau buruk tindakan yang mereka lakukan. Hal ini, tidak terkecuali dengan individu yang bergelar pelajar. Semestinya, seseorang pelajar perlu menunjukkan etika yang baik. Dalam kajian ini, khususnya dilihat kepada etika peperiksaan yang dimana semua pelajar sememangnya akan menduduki peperiksaan. Setiap institusi pengajian pastinya sudah menerangkan tentang etika-etika yang perlu dipatuhi ketika peperiksaan. Kontrasnya, masih terdapat pelajar yang tidak mematuhi etika peperiksaan yang telah ditetapkan.

Hal ini dilihat kerana, penilaian dan peperiksaan merupakan nadi penggerak dalam pembangunan pendidikan di Malaysia untuk seseorang pelajar itu meneruskan perjuangannya dalam pembelajaran (Nurhasyimah, 2012). Dengan mematuhi etika peperiksaan, ianya dapat menunjukkan tahap integriti dan membantu pembentukan modal insan yang berkualiti. Ini amat penting bagi memastikan nama baik institusi pengajian tertentu justeru kejayaan bagi sesebuah negara. Shahidan dan Ling (2017) mendapati pembentukan sahsiah, moral, tingkah laku dan pembudayaan individu adalah amat penting dalam sistem pendidikan negara kita. Tambahan pula, pendidikan di negara membangun khususnya di Malaysia menekankan kepada keperluan terhadap penerapan dan pemupukan nilai-nilai murni yang memberikan kesan positif pembangunan diri pelajar.

Dunia moden yang kini banyak berlakunya masalah berhubung dengan etika terutamanya ketika peperiksaan sering kali pelajar akan melakukan perkara yang menyalahi etika seperti meniru dalam peperiksaan. Oleh itu, kajian ini dibuat kerana untuk mengenalpasti hubungan faktor-faktor penentu etika peperiksaan dalam kalangan pelajar.

Teori Tingkah laku Terancang

Bagi kajian ini, teori tingkah laku terancang (*Theory of Planned Behavior-TPB*) digunakan bagi meneroka faktor-faktor penentu etika peperiksaan dalam kalangan pelajar. Teori Tingkah laku Terancang (TPB; Ajzen 1987,1991) ditafsirkan sebagai satu model berkaitan dengan bagaimana tindakan manusia itu dipandu. Asas penting Theory of Planned Behaviour, adalah tingkah laku ditentukan berdasarkan niat individu tertentu (Ajzen & Fishbein, 2005). Perbincangan dalam teori ini niat individu terhadap perilaku tertentu berdasarkan tiga komponen utama iaitu (1) sikap terhadap tingkah laku (attitude toward behaviour) (2) norma subjektif (subjective norms) (3) kawalan tingkah laku (perceived behavioral control).

Kajian Ajzen (1991) dan Thomas et al. (2007) menyatakan secara jelas Theory of Planned Behavior merupakan teori yang terarah dan sesuai untuk menguji ketidakjujuran akademik (academic dishonesty) yang berkait dengan kajian ini. Theory of Planned Behavior merupakan model yang berpengaruh dan banyak digunakan dalam menjelaskan tingkah laku sosial manusia (Ajzen, Joyce, Sheikh, & Cote, 2011). Manakala, kekuatan teori ini dalam meramal sesuatu tingkah laku banyak telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Passow, Mayhew, Finelli, Harding, Trevor & Carpenter, 2006; Whitley,1998; Thomas et al.,

2007; Mei Wah, William 2013; Alleyne dan Philip, 2011; Thomas et al., 2010). Tambahan pula, bagi usaha melakukan sesuatu tindakan tertentu diukur dari niat tingkah laku seseorang. Jelas dilihat bahawa, niat yang baik akan membawa kepada tingkah laku dan tindakan yang beretika.

Ajzen dan Fishbein (2005) menjelaskan bahawa sikap merupakan kepercayaan yang disebut sebagai *behavioral beliefs*, iaitu kepercayaan individu tentang kesan dan akibat samada positif atau negatif yang akan diperoleh individu dari melakukan sesuatu tingkah laku. Ajzen dan Fishbein (2005) menjelaskan norma subjektif merupakan fungsi yang didasari oleh kepercayaan yang disebut sebagai *normative beliefs*, iaitu kepercayaan individu atau kumpulan berkaitan bersetuju atau tidak bersetuju terhadap sesuatu tingkah laku. Ajzen dan Fishbein (2005) mendefinisikan kawalan tingkah laku sebagai fungsi yang berdasarkan kepercayaan yang disebut sebagai kawalan kepercayaan (*control beliefs*), iaitu kepercayaan individu mengenai faktor yang mendorong atau tidak menyokong untuk melakukan sesuatu tingkah laku.

Dalam kajian ini, elemen kawalan tingkah laku tertanggap tidak diguna pakai sebagai faktor penentu etika peperiksaan, ianya didapati kurang sesuai. Pada awal kajian Ajzen (1991) hanya menggunakan dua elemen sahaja dalam menentukan tingkah laku iaitu sikap dan norma subjektif. Thomas et al. (2007) menyatakan bahawa sikap yang favorable dan sokongan daripada norma subjektif memberi niat yang kuat untuk melaksanakan tingkah laku. Oleh itu, kajian ini menambah keagamaan sebagai faktor tambahan.

Faktor-faktor penentu etika peperiksaan

Kajian yang menyatakan salah laku akademik banyak dilakukan oleh pelajar termasuklah pelajar universiti. Antaranya salah laku akademik yang biasa terjadi adalah seperti plagiat, meniru dalam peperiksaan dan sebagainya. Pada bahagian ini telah dikeluarkan beberapa faktor penentu etika peperiksaan iaitu, sikap, norma subjektif dan keagamaan. Faktor dipilih berdasarkan teori tingkah laku terancang dan faktor keagamaan telah ditambah.

Sikap dan etika

Buntat dan Mat Nasir (2011), mendefinisikan sikap sebagai perbezaan dari segi tingkah laku, nilai dan personaliti memang mempengaruhi mereka tentang bagaimana mereka menjalankan sesuatu tugas dan menghuraikan sesuatu situasi dan bagaimana mereka menghadapi sesuatu cabaran. Selain itu Ajzen dan Fishbein (2005) berpendapat bahawa sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, institusi, konsep atau seseorang.

Dalam TPB, Ajzen dan Fishbein (2005) menjelaskan bahawa sikap terhadap sesuatu tingkah laku yang merupakan suatu fungsi yang didasari oleh kepercayaan (*belief*) yang disebut sebagai *behavioral beliefs*, iaitu kepercayaan individu tentang kesan dan akibat samada positif atau negatif yang akan diperoleh dari melakukan sesuatu tingkah laku. Kepercayaan mengenai kesan dari melakukan sesuatu tingkah laku yang di mana ditentukan oleh gabungan antara kepercayaan individu mengenai kesan positif atau negatif tingkah laku dengan nilai subjektif individu terhadap setiap kesan tingkah laku tersebut, kemungkinan dimiliki banyak dari seseorang individu, namun hanya sebahagian kecil saja dari jumlah kepercayaan tersebut yang dapat dicapai (Noor Raudhiah et al., 2018).

Secara khususnya, semakin individu memiliki penilaian bahwa suatu tingkah laku akan menghasilkan kesan positif maka individu akan cenderung bersikap favorable terhadap tingkah laku tersebut. Sebaliknya, semakin individu memiliki penilaian bahwa suatu tingkah laku akan menghasilkan kesan yang negatif maka individu akan cenderung bersikap unfavorable terhadap tingkah laku tersebut (Ajzen & Fishbein, 2005). Seperti kajian Whitley (1998) menemui kesan berpengaruh bagi pelajar yang bersikap cenderung untuk menipu dalam peperiksaan, berbanding pelajar yang tidak menipu. Dalam kajian Wynd dan Mager (1989) mendapati bahawa sikap pelajar dengan pembelajaran etika mempunyai hubungan yang signifikan. Penemuan kajian Olorunfemi dan Abiola (2014) menunjukkan faktor pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan salah laku peperiksaan. Kajian oleh Hussein et al. (2018) juga mendapati sikap yang negatif yang membawa kepada salah laku akademik. Hal ini kerana, sikap pelajar itu sendiri kurangnya keyakinan dan motivasi diri serta takut akan kegagalan yang menyebabkan pelajar meniru dalam peperiksaan. Ini dapat disimpulkan, jika pelajar mempunyai sikap yang mempunyai motivasi dan keyakinan diri yang tinggi, maka salah laku peperiksaan berkurang.

Berdasarkan hasil kajian lepas (Hussien et al., 2018; Olorunfemi & Abiola, 2014; Wynd & Mager, 1989), kajian ini menjangkakan semakin positif sikap maka semakin positif etika peperiksaan. Ini membawa kepada hipotesis berikut:

H1: Terdapat hubungan positif di antara sikap dan etika peperiksaan.

Norma subjektif dan etika

Dalam TPB, norma subjektif merupakan tekanan sosial, kumpulan ataupun masyarakat dalam mempengaruhi seseorang untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku (Ajzen & Fishbein, 2005). Tambahan lagi, norma subjektif didefinisikan sebagai fungsi yang didasarkan oleh kepercayaan yang disebut sebagai normative beliefs, iaitu kepercayaan individu atau kumpulan berkaitan bersetuju atau tidak bersetuju terhadap suatu tingkah laku. Manakala, kajian Ramlan et al. (2017), mendefinisikan norma subjektif sebagai pengaruh luar yang memberi kesan kepada tingkah laku sama ada negatif atau positif. Ali Maskur et al. (2015) juga menyatakan seseorang yang memiliki keinginan terhadap suatu perkara atau tingkah laku jika ia terpengaruh oleh orang-orang di sekitarnya untuk melakukannya atau meyakini bahawa lingkungan atau orang-orang disekitarnya memberi dorongan terhadap apa yang mereka lakukan. Selain itu, Ali Maskur et al. (2015) menyatakan seseorang pelajar melakukan penipuan antara lain terpengaruh oleh orang lain yang melakukan penipuan, dengan adanya peluang karena pengawasan kurang ketat dan penilaian pensyarah tidak bersesuaian.

Kumpulan yang dekat dan paling berpengaruh di sekeliling seseorang individu adalah termasuk keluarga dan rakan-rakan. Institusi kekeluargaan merupakan tunjang dalam pembentukan sahsiah dalam diri seseorang pelajar. Terdapat sesetengah ibu bapa yang sanggup melakukan perbuatan yang tidak beretika seperti memberi wang kepada pihak institusi bagi membantu anak-anak mereka di dalam peperiksaan (Olorunfemi & Abiola, 2014). Hal ini dapat dilihat, tingkah laku ibu bapa memainkan peranan penting sebagai contoh yang baik bukannya sebaliknya. Rakan sebaya dan kehidupan sosial bersama kawan-kawan merupakan faktor yang sering kali mempengaruhi seseorang pelajar (Zakariya & Bamidele, 2015). Kurangnya perhatian atau kasih sayang daripada ibu bapa, rakan merupakan tempat pengganti selepas ibu bapa. Dengan adanya rakan sebagai tempat pengganti tentunya ajaran yang telah diberikan oleh ibu bapa pelajar akan kurang diikuti berbanding dengan pengaruh dengan rakan sebaya (Ali Maskur et al., 2015).

Secara khususnya, salah satu hal yang mempengaruhi norma subjektif tentang sesuatu tingkah laku bagi mencapai tahap motivasi yang diinginkan adalah dipengaruhi oleh kekuatan sosial (Fishbein dan Ajzen, 1975). Manakala, kekuatan sosial ini dimaksudkan terdiri dari penghargaan atau hukuman yang diberikan sumber rujukan kepada individu, rasa suka individu terhadap sumber rujukan dan adanya permintaan dari sumber rujukan tersebut. Hal ini, bergantung kepada pelajar bagaimana mereka berinteraksi dengan kumpulan di sekitarnya kerana pengaruh sosial dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang. Kajian Olaewe (2003) mengesahkan tekanan daripada kedua ibu bapa menjadi penentu berlakunya salah laku peperiksaan. Pengaruh rakan juga terdapat hubungan dengan salah laku peperiksaan yang dinyatakan dalam kajian Olorunfemi dan Abiola (2014). Hal ini dapat dilihat, pengaruh sekeliling yang positif dapat mengurangkan salah laku peperiksaan.

Terdapat percanggahan dalam kajian lepas berkaitan arah hubungan antara norma subjektif dan etika, namun kajian ini menjangkakan semakin tinggi norma subjektif maka semakin tinggi etika peperiksaan. Ini membawa kepada hipotesis berikut:

H2: Terdapat hubungan positif di antara norma subjektif dan etika peperiksaan.

Keagamaan dan etika

Pembolehubah keagamaan telah dimasukkan sebagai pembolehubah tambahan dalam kajian ini. Kajian ini memilih faktor keagamaan kerana faktor ini sering diketengahkan berdasarkan teori tingkahlaku terancang seperti dalam kajian Noor Raudhiah et al. (2018). Faktor keagamaan dirasakan elemen yang mempengaruhi etika peperiksaan dalam kalangan pelajar. Keagamaan boleh didefinisikan sebagai kepercayaan yang dimiliki oleh seseorang terhadap Tuhan, disertai dengan komitmen untuk mengikuti prinsip-prinsip tertentu yang ditetapkan oleh Tuhan (McDaniel & Burnett, 1990). Peranan agama paling mempengaruhi kerana ia dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan manusia. Seperti yang sedia maklum, agama merupakan pegangan diri bagi setiap manusia, tanpa agama maka goyahlah kehidupan seseorang manusia itu. Keagamaan merujuk kepada kepatuhan seseorang terhadap kepercayaan dan amalan harian yang telah ditetapkan dengan sistem dan perintah Tuhan (Mattis & Watson, 2008). Penelitian dalam agama sangat berhubungan dengan aspek akhlak kerana merujuk kepada tahap seseorang bermotivasi dengan panduan ajaran-ajaran agamanya, iaitu bagaimana hubungan individu dengan dunianya, terutama dengan manusia lain (Desi Purnamasari, 2013).

Agama merupakan bahagian yang tidak terpisah dari moral, yang berkaitan erat dengan etika dan budaya (Nyoman, 2018). Keagamaan dilihat sejauh mana tahap komitmen seorang individu kepada ajaran agama yang dia akui, seperti sikap dan tingkah laku individu mencerminkan komitmen kepada ajaran agamanya (Johnson et al., 2000). Ajaran agama yang dianut oleh seseorang individu itu dapat mempengaruhi tingkah laku yang beretika. Menurut kajian lepas, Rettinger dan Jordan (2005) mendapati keagamaan dan penipuan mempunyai tahap hubungan yang negatif, terutama bagi pelajar yang sangat menjaga agamanya, mereka kurang cenderung untuk melakukan penipuan dalam peperiksaan berbanding dengan pelajar yang kurang keagamaannya. Sebagai seseorang individu yang di mana dari sejak kecil telah mempraktikkan ajaran agama dengan baik, semestinya akan menjaga nama baik agama setiap kali ingin melakukan perkara-perkara yang tidak beretika. Keberkesanan ini boleh dilihat pada penawaran dan pelaksanaan, pencapaian dalam peperiksaan dan juga penghayatan dan amalan (Suzalie 2003).

Terdapat juga kajian lepas dari pelbagai pengkaji telah menumpu kepada kajian berkaitan hubungan antara keagamaan dan tingkah laku menipu dalam peperiksaan. Keputusan didapati hubungan antara keagamaan tidak konsisten. Tahap keagamaan yang tinggi kecenderungan lebih rendah untuk menipu (Rettinger & Jordan, 2005; Bloodgood et al., 2008; Burton et al., 2011). Khan, Khalid, Hasnain, Ullah dan Ali (2019) mendapati keagamaan memainkan peranan penting dalam mengurangkan ketidakjujuran akademik. Sebaliknya, ada juga hasil kajian menyatakan terdapat hubungan positif di antara keagamaan dengan penipuan (Guttman, 1984; Pruckner & Sausgruber, 2008). Selain itu, terdapat beberapa kajian juga mendapati terdapat hubungan yang tidak ketara antara keagamaan dan penipuan (Graham et al., 1994, Bruggeman & Hart, 1996; Fisher et al., 1998; Brown & Choong, 2003; Randolph-Seng & Nielsen, 2007). Manakala, Grimes dan Rezek (2005) mendapati bahawa kepercayaan agama dan pengaruh yang sederhana terhadap penipuan akademik.

Terdapat percanggahan dalam kajian lepas berkaitan arah hubungan antara agama dan etika, kajian ini menjangkakan semakin tinggi keagamaan maka semakin tinggi etika peperiksaan. Ini membawa kepada hipotesis berikut:

H3: Terdapat hubungan positif di antara keagamaan dan etika peperiksaan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan borang soal selidik dalam talian dan diedarkan menggunakan aplikasi *Whatsapp*. Kajian ini dijalankan di dua buah IPTS Selangor. Jumlah populasi bagi kedua-dua IPTS tersebut ialah 10,000 orang pelajar.

Pemilihan sampel kajian dipilih secara rawak daripada populasi yang ditentukan dengan menggunakan jadual penentuan saiz sampel dari kaedah *Krejcie dan Morgan (1970)*. Sampel yang dicadangkan ialah sebanyak 370 orang. Daripada 380 borang telah diedarkan, hanya 180 borang sahaja yang berjaya dikutip kembali iaitu meliputi 47.4%. Kesemua borang yang diterima boleh digunapakai. Ding et al. (1995) berpendapat bahawa saiz sampel antara 100 hingga 150 adalah sudah cukup baik.

Instrumen Kajian

Data diperolehi menggunakan borang soal selidik dan borang kajian mempunyai soalan berstruktur yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Jadual 1 menunjukkan struktur bahagian dalam borang soal selidik.

JADUAL 1: Struktur Borang Kajian Soal Selidik

Bahagian A	Demografik
------------	------------

Bahagian B	Etika Peperiksaan
Bahagian C	<ul style="list-style-type: none">• Sikap• Norma Subjektif• Keagamaan

Terdapat satu pembolehubah bersandar dan tiga pembolehubah tak bersandar yang dikaji dalam kajian ini. Pembolehubah bersandar ialah etika peperiksaan manakala pembolehubah tak bersandar ialah sikap, norma subjektif dan keagamaan.

Skala likert berskala interval terdiri daripada lima skala digunakan untuk mengukur kesemua pembolehubah yang terdiri dari skala yang rendah menunjukkan penggunaan yang rendah manakala skala yang tinggi menunjukkan penggunaan yang tinggi. Berikut dibincangkan instrumen pengukuran yang digunakan bagi setiap pembolehubah.

Etika Peperiksaan

Pembolehubah etika peperiksaan diukur dengan menggunakan tujuh item yang diperolehi dari jurnal daripada Maisarah et al. (2009). Antara tujuh item pengukuran bagi etika peperiksaan terdiri dari (1) saya tidak meniru semasa menjawab soalan ujian atau peperiksaan, (2) saya tidak berbincang dengan rakan mengenai soalan ujian atau peperiksaan, (3) saya tidak membawa nota ke dalam dewan peperiksaan, (4) saya meminta bantuan pengawas peperiksaan jika menghadapi masalah dalam dewan peperiksaan, (5) saya perlu lulus peperiksaan dengan apa cara sekali pun termasuk meniru, (6) saya bertanggungjawab untuk mengambil tahu salah laku pelajar lain, (7) saya membuat aduan kepada pengawas peperiksaan jika ternampak pelajar lain meniru. Item kelima merupakan soalan yang negatif.

Sikap

Sikap merupakan pembolehubah yang pertama bagi kajian ini dan item pengukuran adalah diambil dari kajian Noor Raudhiah et al. (2018). Terdapat 5 item pengukuran bagi sikap iaitu: (1) saya merasakan ia adalah tanggungjawab semua pihak untuk patuh kepada etika peperiksaan, (2) saya tidak merasakan mematuhi etika peperiksaan adalah perkara sia-sia sahaja, (3) saya mempunyai tanggapan positif terhadap etika peperiksaan, (4) saya dapati etika peperiksaan memuaskan hati saya, (5) saya dapati tiada sebab untuk tidak patuh kepada etika peperiksaan, (6) saya berminat untuk patuh pada etika peperiksaan.

Norma Subjektif

Norma subjektif merupakan pembolehubah kedua bagi kajian ini dan item pengukuran adalah diambil dari kajian Noor Raudhiah et al. (2018). Terdapat empat item pengukuran bagi norma subjektif iaitu: (1) Orang yang mempengaruhi tingkah laku saya (seperti rakan sebaya) berpendapat patuh pada etika peperiksaan penting, (2) orang yang mempengaruhi tingkah laku saya (seperti ibubapa) berpendapat patuh pada etika peperiksaan penting, (3) ibubapa dan rakan sebaya saya berpendapat saya perlu patuh pada etika peperiksaan, (4) secara umumnya, saya mahu melakukan apa yang ibubapa dan rakan saya mahu saya lakukan.

Keagamaan

Keagamaan merupakan pembolehubah ketiga bagi kajian ini dan item pengukuran adalah diolah dari definisi kajian lepas Noor Raudhiah et al. (2018). Terdapat 7 item pengukuran bagi

keagamaan iaitu: (1) Pegangan agama mempengaruhi tindakan saya, (2) pegangan agama saya boleh dizahirkan melalui amalan dan tindakan saya, (3) agama mempengaruhi semua aspek spiritual dan fizikal dalam kehidupan saya, (4) saya ada melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan, (5) saya memperuntukkan masa untuk mendalami agama saya, (5) saya perlu mengamalkan ajaran agama saya di mana-mana sahaja.(6) saya percaya kepada keberkatan ilmu ada kaitan dengan amalan beragama.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian empirikal dibahagikan kepada kepada demografi responden, analisis kebolehppercayaan, analisis deskriptif dan analisis korelasi.

Demografi responden kajian terdiri daripada 180 orang responden dan majoritinya adalah pelajar perempuan yang berumur dari lingkungan 21 tahun hingga 23 tahun. Mengikut tahun pengajian terkini yang paling ramai responden kajian adalah dari pelajar tahun 2 dan terdiri dari 2 kolej yang majoritinya di Kolej A. Responden dari Kolej A lebih ramai disebabkan jumlah pelajar di A juga lebih ramai dari Kolej B. Jadual 2 menunjukkan demografi responden kajian.

JADUAL 2: Demografi Responden Kajian

Demografi	Kumpulan	Jumlah	Peratus
Jantina	lelaki	46	25.6
	perempuan	134	74.4
	Jumlah	180	100.0
Umur	18-20 tahun	36	20.0
	21-23 tahun	131	72.8
	24-26 tahun	12	6.7
	27-30 tahun	1	.6
	Jumlah	180	100.0
Tahun pengajian	tahun 1	24	13.3
	tahun 2	73	40.6
	tahun 3	40	22.2
	tahun 4	42	23.3
	tahun 5	1	.6
	Jumlah	180	100.0
Kolej	A	130	72.2
	B	50	27.8
	Jumlah	180	100.0

Analisis Kebolehppercayaan (Cronbach Alpha)

Soal selidik akan diuji dengan menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* bagi melihat nilai kebolehppercayaannya. Menurut Sekaran dan Bougie (2013), instrumen soal selidik yang diuji

melalui kaedah *Cronbach Alpha* dan mendapat nilai sekurang-kurangnya 0.7 menunjukkan bahawa instrumen soal selidik tersebut adalah konsisten kebolehpercayaannya. Kesemua nilai *Cronbach Alpha* adalah seperti jadual 3 berikut:

JADUAL 3: Analisis Kebolehpercayaan Data

Pembolehubah Tidak Bersandar	Bilangan item	Cronbach Alpha
Sikap	6	0.81
Norma Subjektif	4	0.84
Keagamaan	7	0.87
Pembolehubah Bersandar		
Etika peperiksaan	6	0.64

Daripada jadual 3 menunjukkan hasil kesemua pembolehubah dari nilai *Cronbach Alpha*. Hasil dari analisis faktor, instrumen pengukuran pembolehubah sikap mempunyai enam item yang masih kekal dan menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* 0.81. Bagi pembolehubah norma subjektif kesemua instrumen pengukurannya masih kekal dan hasil dari ujian kebolehpercayaan data mendapati nilai *Cronbach Alpha* 0.84 juga mengekalkan semua item. Manakala bagi instrument pengukuran pembolehubah keagamaan juga kekal terdiri daripada tujuh item dan menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* sebanyak 0.87 yang di mana paling tinggi di antara pembolehubah tidak bersandar. Berlainan pula bagi pembolehubah bersandar iaitu etika peperiksaan, item yang kelima perlu dibuang kerana hasil pengujian mendapati dengan pengguguran item tersebut dapat meningkatkan lagi nilai *Cronbach Alpha*. Nilai *Cronbach Alpha* bagi pembolehubah etika peperiksaan didapati sebanyak 0.64 setelah pengguguran item tersebut dilakukan. Bahagian berikutnya pula akan membincangkan analisis deskriptif bagi setiap pembolehubah.

Analisis Deskriptif Pembolehubah Kajian (Min)

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisis dan mengenal pasti data deskriptif berdasarkan soalan yang ada di dalam borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Analisis deskriptif ini digunakan untuk melihat taburan nilai bagi setiap pembolehubah. Merujuk jadual dibawah, menunjukkan hasil analisis deskriptif bagi kesemua pembolehubah.

JADUAL 4: Analisis Deskriptif Pembolehubah Kajian

Pembolehubah	N	Minima	Maksima	Min	Sisihan Piawai
Etika Peperiksaan	180	2.67	5.00	4.0602	0.53487
Sikap	180	2.67	5.00	4.3528	0.52506
Norma Subjektif	180	2.50	5.00	4.3250	0.54536
Keagamaan	180	2.43	5.00	4.3984	0.48721

Pembolehubah etika peperiksaan mencatatkan nilai min adalah 4.0602 menunjukkan purata etika peperiksaan adalah sederhana tinggi dalam kalangan responden kajian. Berikutnya, bagi pembolehubah sikap menunjukkan nilai min adalah 4.3528 yang menunjukkan secara purata bagi faktor sikap adalah sederhana tinggi dalam kalangan responden. Pembolehubah norma subjektif didapati nilai min adalah 4.3250 menunjukkan secara purata bagi norma subjektif juga berada pada tahap yang sederhana tinggi dalam kalangan responden. Pembolehubah keagamaan juga menunjukkan nilai min sederhana tinggi dengan nilai 4.3984 menunjukkan secara purata keagamaan dalam kalangan responden adalah tinggi.

Kesimpulan, nilai min keagamaan mencatatkan purata yang tertinggi antara keempat-empat pembolehubah. Ini mengukuhkan lagi kenyataan bahawa kebanyakan daripada responden kajian ini berada dalam persekitaran pembelajaran yang mementingkan agama dan penerapan nilai agama dalam diri mereka sendiri..

Analisis Korelasi Pearson

Jadual 5 dibawah menunjukkan aras kepercayaan korelasi antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar adalah positif yang signifikan bagi faktor-faktor penentu etika peperiksaan dengan nilai $\alpha = .000$.

JADUAL 5: Analisis Korelasi Pearson pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar.

		Etika Peperiksaan	Sikap	Norma Subjektif	Keagamaan
Etika Peperiksaan	Pearson Correlation	1	.395**	.341**	.338**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000
	N	180	180	180	180
Sikap	Pearson Correlation	.395**	1	.726**	.578**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000
	N	180	180	180	180
Norma Subjektif	Pearson Correlation	.341**	.726**	1	.596**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000
	N	180	180	180	180
Keagamaan	Pearson Correlation	.338**	.578**	.596**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	
	N	180	180	180	180

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Jadual 5 menunjukkan kesemua faktor iaitu sikap, norma subjektif dan keagamaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan etika peperiksaan. Jadual 6 berikut adalah ringkasan rumusan hipotesis bagi kajian ini.

JADUAL 6: Rumusan Hipotesis

FAKTOR	HASIL KAJIAN	SOKONGAN KAJIAN TERDAHULU
H1: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara faktor sikap dengan etika peperiksaan.	Positif dan Signifikan. Hipotesis 1 diterima.	Hussien et al. (2018); Olorunfemi dan Abiola (2014); Wynd & Mager (1989)
H2: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara faktor norma subjektif dengan etika peperiksaan.	Positif dan Signifikan. Hipotesis 2 diterima.	Olorunfemi dan Abiola (2014).

H3: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara faktor keagamaan dengan etika peperiksaan.	Positif dan Signifikan. Hipotesis 3 diterima.	Rettinger dan Jordan (2005); Bloodgood et al. (2008); Burton et al. (2011); Khan et al. (2019)
--	--	--

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan diantara ketiga-ketiga faktor dengan etika peperiksaan. Maka kesemua hipotesis diterima. Hasil kajian juga adalah konsisten dengan kajian-kajian lepas. Bagi hubungan antara faktor sikap dan etika peperiksaan, hasil kajian ini konsisten dengan hasil kajian oleh Hussien et al. (2018), Olorunfemi dan Abiola (2014), dan Wynd dan Mager (1989). Namun, tiada kajian khusus yang melihat hubungan antara sikap dan etika peperiksaan, namun kesemua kajian tersebut melihat dari aspek salahlaku peperiksaan dan mendapati sikap memainkan peranan penting dalam salahlaku peperiksaan.

Bagi norma subjektif, Olorunfemi dan Abiola (2014) mendapati faktor ini memberi kesan kepada salahlaku peperiksaan yang juga konsisten dengan hasil kajian ini yang mendapati norma subjektif juga berhubungan secara positif dengan etika peperiksaan.

Kajian lepas mendapati keagamaan yang tinggi menyebabkan kecenderungan lebih rendah untuk menipu iaitu Rettinger dan Jordan (2005); Bloodgood et al., (2008); Burton et al., (2011). Manakala, Khan et al. (2019) mendapati keagamaan mengurangkan tingkahlaku ketidakjujuran, maka ini konsisten dengan hasil kajian ini yang mendapati keagamaan meningkatkan lagi etika peperiksaan.

Kajian ini menunjukkan bahawa bagi meningkatkan etika peperiksaan dalam kalangan pelajar, norma subjektif dan keagamaan memainkan peranan penting. Apabila pelajar berada dalam persekitaran keagamaan yang tinggi dan mempunyai keluarga dan rakan yang mengambil berat aspek etika peperiksaan, maka mereka akan lebih cenderung kepada etika peperiksaan. Selain itu, sikap pelajar itu sendiri juga memainkan peranan penting dalam usaha mereka untuk serius dengan etika peperiksaan.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini bersesuaian dengan teori tingkah laku terancang yang diguna pakai dalam kajian ini. Teori tingkah laku terancang menyatakan sikap dan norma subjektif mempengaruhi etika peperiksaan. Kajian ini berjaya memberikan sebahagian bukti bagi menyokong teori tersebut kerana sikap dan norma subjektif menunjukkan hasil yang signifikan.

Kajian ini memberikan tambahan bukti empirikal dan mengetengahkan faktor keagamaan yang merupakan faktor penentu etika peperiksaan. Asas pegangan agama memberi pengaruh kepada nilai etika individu. Ia membentuk kepada nilai baik yang membentuk etika diri. Boleh dikatakan bahawa agama membentuk nilai diri iaitu bersifat faktor dalaman. Kajian ini memberikan bukti penting bahawa kesan etika terbukti signifikan untuk sikap, norma subjektif dan keagamaan. Ini menunjukkan motivasi dan kawalan diri pelajar sangat mempengaruhi sikap daripada melakukan perkara yang tidak beretika. Tambahan pula, persekitaran keluarga dan rakan menunjukkan amat memberikan kesan kepada keputusan pelajar untuk patuh kepada etika peperiksaan. Selain itu, keagamaan turut memberikan pengaruh dalam etika peperiksaan.

Terdapat beberapa batasan kajian yang dihadapi semasa menjalankan dan menyiapkan kajian ini. Dalam menjalankan proses kajian ini, kajian ini hanya menumpukan kepada tiga faktor sahaja. Justeru kajian lain perlu mengkaji faktor-faktor lain yang berkaitan dengan etika peperiksaan kerana etika peperiksaan dilihat sangat penting dan kajiannya kurang dikaji. Akhir sekali, kajian ini bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran seseorang pelajar yang mana pengkaji beranggapan bahawa maklum balas yang diterima daripada jawapan borang soal selidik yang telah diedarkan adalah benar dan tepat.

Kajian ini hanya menumpukan kepada populasi pelajar dalam kalangan dua buah IPTS di Selangor sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak dapat dijadikan kajian secara umum atau digeneralisasikan untuk semua pelajar di IPTS seluruh negara dan IPTA lain.

Selain itu, kajian ini mencadangkan agar institusi pengajian agar dapat memberi perhatian lebih kepada pentingnya etika peperiksaan bagi memastikan tiada berlakunya kelakuan menipu di dalam peperiksaan lagi. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana mahasiswa merupakan generasi pewaris negara yang akan mendidik di masa hadapan. Nilai etika dan akhlak yang baik perlu dipupuk agar pelajar dapat menunjukkan nilai integriti yang tinggi.

RUJUKAN

- Ajzen, I. (1987). *Attitudes, traits, and actions: Dispositional prediction of behavior in personality and social psychology*. In L. Berkowitz (Ed.), *Advances in experimental social psychology* (Vol. 20, pp. 1-63). New York: Academic Press.
- Ajzen, I. (1991). Theory of Planned Behaviour. *Organizational Behaviour and Human Decision Process*, 50, 179-211.
- Ajzen, I. (2006). *Constructing a TPB Questionnaire: Conceptual and Methodological Considerations*. Retrieved June 27, 2011.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (2005). *The Influence of attitudes on behavior*. In D. Albarracín, B.T. Johnson, & M. P. Zanna (Eds.), *The handbook of attitudes* (pp. 173-221). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Ajzen, I., Joyce, N., Sheikh, S., & Cote, N. G. (2011). Knowledge and the prediction of behavior: The role of information accuracy in the theory of planned behavior. *Basic and Applied Social Psychology*, 33(2), 101–117.
- Ali Maskur, Endang Tjahjaningsih, Adib Saeroji. (2015). *Pengaruh Norma Subjektif Dan Kontrol Perilaku Yang Dipersepsikan Terhadap Niat Pinjam KUR Mikro: Studi Pada Nasabah BRI di Pati*.
- Alleynee, P. & Philip, K. (2011). Exploring Academic Dishonesty among University Students in Barbados: An Extension of the Theory of Planned Behaviour. *Journal of Academic Ethics*, 9, 323-338. DOI 10.1007/s10805-011-9144-1.
- Bloodgood, J.M., Turnley, W.H. & Mudrack, P. (2008). The influence of ethics instruction, religiosity, and intelligence on cheating behavior. *Journal of Business Ethics*, 82 (3), 557-571.
- Brown, B.S. & Choong, P. (2003). A comparison of Academic Dishonesty among Business Students in a public and private Catholic University. *Journal of Research on Christian Education*, 12 (1), 27-48.
- Bruggeman, E. & Hart, K. (1996). "Cheating, lying and moral reasoning by religious and secular high school students". *Journal of Educational Research*, Vol. 89 No. 6, p340-344

- Buntat, Y. & Mat Nasir, N. S. (2011). Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2, 175-208
- Burton, J.H., Talpade, S. and Haynes, J. (2011), Religiosity and test-taking ethics among business school students. *Journal of Academic and Business Ethics*, 4(18).
- Desi Purnamasari. (2013). Faktor-faktor yang Memengaruhi Kecurangan Akademik pada Mahasiswa. *Educational Psychology Journal*, 2 (1): 13-21.
- Ding, L., Velicer, W.F., & Harlow, L.L. (1995). Effects of Estimation Methods, Number of Indicators Per Factor, and Improper Solutions on SEM Fit Indices. *Structural Equation Modeling* 2, 119–4.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention, And Behaviour: An Introduction to theory and research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Fisher, J., Kim, H., Lee, S. & Sacks, S. (1998), Stability of religious orientation and academic dishonesty. *Journal of Research on Christian Education*, 7 (1), 55-66.
- Gbadamosi, G. (2004). Academic Ethics: What has Morality, Culture and Administration got to do with its Measurement? *Management Decision*. 42, 1145-1161.
- Graham, M.A., Monday, J., O'Brien, K. & Steffen, S. (1994), "Cheating at small colleges: an examination of student and faculty attitudes and behaviours", *Journal of College Student Development*, 35 (4), pp. 255-260.
- Grimes, P. W. & Rezek, J. P. (2005). "The determinants of cheating by high school economics students: a comparative study of academic dishonesty in the transitional economies", *International Review of Economics Education*, 4(2), 23-45.
- Guttman, J. (1984), "Cognitive morality and cheating behavior in religious and secular school children", *Journal of Educational Research*, 77(4), 249-254.
- Hussein, N., Rahman, N. A. A., Rusdi, S. D., Omar, M. K., & Aziz, Z. Z. A. (2018). Factors that Influence Self-Perceived Academic Cheating: An Empirical Evidence of Business Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 758–767.
- Imran, A. M., & Nordin, M. S. (2013). Predicting the Underlying Factors of Academic Dishonesty among Undergraduates in Public Universities: A Path Analysis Approach. *Journal of Academic Ethics*, 11(2), 103–120.
- Ismail, S. & Yussof, S. H., (2016). Accounting Research Journal Cheating behavior among accounting students: some Malaysian evidence. *Accounting Research Journal*, 29(1): 20–33.
- Johnson, B.R., Larson, D.B., Jang, S.J. Andli, S.D. (2000). "Who Escapes the Crime Of inner Cities: Church Attendance and Religious Saliense Among Disadvantaged Youth", *Justice Quarterly*, 17(2), p. 701-715.
- Khan, Khalid, Hasnain, Ullah, Ali. (2019). The Impact of Religiosity and Spirituality on Academic Dishonesty of Students in Pakistan. *European Online Journal of Natural and Social Sciences*. 8(3), 381-398.
- Krejcie, Robert, V., Morgan, & Daryle, W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Maisarah Mohamed Saat, Hapriza Ashari, Ungku Norulkamar Ungku Ahmad. (2009). Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Etika Peperiksaan: Satu Tinjauan Awal.
- Mattis, J. S. and Watson, C.R. (2008), Religiosity and spirituality", in Tynes, B. M., Neville, H. A. and Utsey, S.O. (Eds), *Handbook of African American Psychology*, Sage, Thousand Oaks, CA, p. 91-102.
- McDaniel, S.W. & Burnett, J.J. (1990). Consumer Religiosity and Retail Store Evaluative Criteria. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 8 (2), 101-112.

- Mei Wah. M. Williams & Matthew Neils Williams. (2012). Academic Dishonesty, Self Control and General Criminality: Prospective and Retrospective Study of Academic Dishonesty in a New Zealand University. *Ethic and Behaviour*, 22(2), 89 -112.
- Mohd Janib Johari. (1994). *Moral "Etika Profesional"*, Universiti Teknologi Malaysia: Unit Penerbitan Akademik.
- Mustapha, R. & Nik Ali, N. A., (2017). An Empirical Survey of an Academic Dishonesty at A Major Public Universities In Recent Years: The Malaysian Evidence, 5(3), 43-49.
- Noor-Raudhiah, Abu-Bakar, Farah, Shahwahid, Siti-Hawa, Radin-Eksan (2018). Theory of Planned Behaviour and Halal Compliance. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 8(5), May 2018, E-ISSN: 2222 6990.
- Nur Yeliz Gülcan. (2015). Discussing The Importance of Teaching Ethics in Education. *Social and Behavioral Sciences*, 174, 2622 – 2625.
- Nurhasyimah S. (2012). *Penilaian Etika Dan Integriti Dalam Peperiksaan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. UTM.
- Nyoman Ari Surya Dharmawan. (2018). Etika, Agama, dan Cinta Sebagai Modal Dasar Akuntan Dalam Memberantas Korupsi. *Jurnal Ilmiah Akuntansi* 3(1),Hal:17-32.
- Olaewe, O.O. (2003) *Test and Measurement in Education. An Illustrative Approach*. Iwo: Agboola Publishing Ltd.
- Olorunfemi, Olabisi & Florence, Abiola. (2014). Psychosocial Factors as Determinant of Examination Malpractice among Secondary School Students in Ondo State. *International Journal of Innovation and Applied Studies* 8(3), 1258-1264.
- Passow, Honor J., Mayhew J., Finelli, Cynthia J., Trevor S., Carpenter & Donald D. (2006). Factor Influencing Engineering Student's Decisions to Cheat by Type of Assesment, *Research in Higher Education*, 47(6), pp 643-684.
- Pruckner, Gerald J. & Sausgruber, Rupert (2008). *Honesty on the Streets - A Natural Field Experiment on Newspaper Purchasing* (October 2, 2008). Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=1277208> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.1277208>
- Ramlan Mustapha, Zaharah Hussin dan Saedah Siraj (2017). Analisis Faktor Penyebab Ketidaktajuran Akademik Dalam Kalangan Mahasiswa: Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2)
- Randolph-Seng, B. and Nielsen, M.E. (2007), Honesty: one effect of primed religious representations, *International Journal for the Psychology of Religion*, 17(4), 303-315.
- Rettinger, D.A. & Jordan, A.E. (2005), The Relations Among Religion, Motivation, And College Cheating: A Natural Experiment, *Ethics and Behaviour*, 2(2) pp. 107 129.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2013) *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. 6th Edition, Wiley, New York.
- Shahidan, Shafie & Ling, Ying-Leh (2017) Pembentukan Sahsiah Berkualiti melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam: Satu Kajian Korelasi di Politeknik. National Conference on Thinking Culture (ICTC) 2017 01-03 November 2017.
- Suzalie Mohamad. 2003. Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: IKIM.
- Thomas, H. Stone, Jennifer, L. Kisamore, I.M., & Jawahar. (2007). *Predicting Academic Dishonesty*. ASAC, Ottawa, Ontario, 40-56.
- Whitley, B.E., Jr. (1998). Factors Associated with Cheating Among College Students: A Review. *Research in Higher Education*, 39(3), 235-274.
- Wynd, W. R and Mager, J. (1989). The business and society course: does it change student attitudes?, *Journal of Business Ethics*, 8(6) pp. 487-91
- Zaini, Ujang (2010). *Berpaksi Inovasi Mengangkasa Universiti Menjana Nilai Tinggi*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

Zakariya, Y. F. & Bamidele, E.F. (2015). Investigation into The Causes of Poor Academic Performance In Mathematics Among Nigerian Undergraduate Students. *World Journal of Social Science and Humanities*, 1(1) pp.1-5.